



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2020**

---

**PEMANSUHAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK DAN SKIM PERKHIDMATAN BENTARA MESYUARAT**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemansuhan skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik dan skim perkhidmatan Bentara Mesyuarat.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik dan skim perkhidmatan Bentara Mesyuarat kerana fungsinya boleh diambil alih oleh perkhidmatan lain dan tidak mempunyai penyandang yang dilantik secara tetap.

## **PELAKSANAAN**

3. Mulai tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, tiada urusan pelantikan baharu dibenarkan bagi skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik dan skim perkhidmatan Bentara Mesyuarat. Fungsi Pegawai Komunikasi Strategik akan diambil alih oleh skim perkhidmatan Pegawai Penerangan manakala fungsi Bentara Mesyuarat akan diambil alih oleh skim perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan.

4. Berikutan pemansuhan tersebut juga, pegawai kontrak dan pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara sedia ada boleh dikekalkan sehingga tamat tempoh kontrak, peminjaman atau pertukaran sementara tertakluk kepada syarat perjanjian sedia ada.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

## **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik dan skim perkhidmatan Bentara Mesyuarat yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

5 Oktober 2020

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan